

Mangsa bah dipindah meningkat

Ipoh: Satu daripada empat pusat pemindahan banjir yang dibuka di empat daerah di negeri ini ditutup, semalam, namun jumlah mangsa dipindahkan meningkat terutama di daerah Hilir Perak.

Setakat jam 6 petang, semalam, 285 mangsa banjir daripada 82 keluarga ditempatkan di tiga pusat pemindahan di tiga daerah iaitu Hilir Perak (Teluk Intan), Manjung dan Kerian yang dibuka sejak Isnin dan kelmarin.

Pusat pemindahan yang ditutup adalah di Surau Nurul Jannah, Kampung Parit 6, Parit di daerah Perak Tengah, jam 9 pagi, semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak Yahya Madis berkata, laporan menunjukkan berlaku peningkatan mangsa yang dipindahkan di dua pusat pemindahan iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong, Teluk Intan dan Sekolah Agama Rakyat Padang Serai, Manjung.

“Berlaku pertambahan besar mangsa membabitkan kawasan banjir di Teluk Intan yang jumlahnya hari ini (semalam) 171 mangsa daripada 53 keluarga berbanding petang semalam (kelmarin) hanya 106 mangsa daripada 25 keluarga,” katanya.